

KERATAN AKHBAR APRIL 2022

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	SIFAT SEDERHANA MUSLIM BERPUASA JADIKAN ALAM LEBIH BISTARI	BERITA HARIAN MS 43	08-Apr-22	AGAMA
2	ATLET UNIMAP RAIH EMAS KEJOHANAN OLAHRAGA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI	SINAR HARIAN MS 28	11-Apr-22	KPT
3	APLIKASI MYPTPTN PERMUDAH URUSAN PELANGGAN	HARIAN METRO MS 12	15-Apr-22	KPT
4	TAUBAT DAN BULAN RAMADHAN KEMBALI KEPADA FITRAH	HARIAN METRO MS 14	15/04/2022	AGAMA
5	350,000 PELAJAR B40 IPT LAYAK MOHON INISIATIF	BERITA HARIAN MS 2	15-Apr-22	KPT
6	PTPTN SERU PEMINJAM TERIMA TAWARAN DISKAUN	KOSMO ONLINE	15-Apr-22	PPD
7	DISKAUN BAYARAN PTPTN BERAKHIR 30 APRIL	BERITA HARIAN ONLINE	15-Apr-22	PPD
8	BINA PERSEKITARAN MEMBACA HOBI MENYERONOKKAN	BERITA HARIAN MS 13	22-Apr-22	PERPUSTAKAAN

Sifat sederhana Muslim berpuasa jadikan alam lebih lestari



Pengarah Pusat
Kajian Tinggi Islam,
Sains dan Peradaban
Raja Zarith Sofiah
(RZS-CASIS),
Universiti Teknologi
Malaysia (UTM)

Oleh Prof Madya Dr Khalif Muammar
bhagama@bh.com.my

Suatu perkara mengejutkan ramai orang adalah hakikat meskipun pandemik COVID-19 mendatangkan kesusahan kepada ramai orang, ia memberi banyak kebaikan kepada alam sekitar, hanya kerana manusia kurang melakukan pencemaran.

Apabila manusia kurang berpergi-an, kurang melakukan aktiviti di luar dan kilang ditutup untuk suatu ketika, pencemaran semakin kurang berlaku yang menyebabkan langit semakin cerah, udara semakin bersih dan sungai semakin jernih.

Pada umumnya umat Islam mengeta-hui berpuasa pada Ramadan tidak hanya bermaksud menahan diri daripada makan minum pada siang hari, bahkan menahan diri daripada melakukan perkara diharamkan atau ditegah syaria supaya pahala melaksanakan ibadat puasa dapat diraih.

Oleh itu, kita memahami terdapat falsafah di sebalik kewajipan berpuasa merangkumi aspek kesihatan rohaniyah, kesihatan fizikal, kesihatan moral dan bahkan, seperti akan dijelaskan dalam tulisan ini, falsafah puasa boleh diperluaskan lagi hingga merangkumi aspek kesihatan alam sekitar.

Tujuan diwajibkan berpuasa pada Rama-dan adalah untuk mencapai sifat takwa (surah al-Baqarah: 183). Takwa adalah hasil tercapai apabila seseorang menjaga bukan hanya anggota badannya seperti mulut, mata dan tangan kaki daripada melakukan perkara dilarang, bahkan menjaga anggota batinnya seperti hati serta fikiran, daripada memikirkan atau menghendaki perkara tidak diredai Allah.

Pengamalan ibadat puasa dengan penuh keimanan akan menatijahkan sifat berdisiplin dalam diri manusia dengan hanya melakukan perkara baik (amal soleh) yang diredai Allah SWT.

Apabila diperhatikan dengan lebih mendalam, puasa mengisyaratkan suatu cara hidup sederhana. Manusia berpuasa dibenarkan makan minum pada waktu lewat malam (sebelum Subuh) dan awal malam (waktu Maghrib), yakni waktu sahur serta waktu iftar.

Dengan hanya makan dua kali sehari semalam, bermakna ia berjaya mengurangkan konsumsi lebih kurang separuh daripada kebiasaan. Pengurangan konsumsi ini bahagian penting daripada maksud berpuasa. Ini kerana hanya dengan pengurangan ini, manfaat puasa itu terhasil, iaitu kesihatan rohani dan jasmani.

Jika pengurangan konsumsi ini tidak berlaku, seperti banyak kita saksikan pada hari ini, maka maksud berpuasa itu tidak tercapai. Justeru, kebiasaan masyarakat hari ini yang berbelanja lebih pada Ramadan, bahkan berpesta makanan hingga berlaku banyak pembaziran adalah perkara bertentangan maksud dan tujuan berpuasa itu sendiri.

Singkatnya, puasa perlu dapat mengurangkan kemahuan insan, bukan menjadikannya semakin banyak kemahuan.

Falsafah puasa berfungsi untuk mengurangkan kemahuan manusia ini bertepatan dengan falsafah kesederhanaan yang juga ditekankan dalam Islam. Zuhud dan qana'ah ialah konsep penting diamalkan dalam kehidupan Muslim kerana ia menjanjikan kebahagiaan serta cara

hidup lestari.

Gaya hidup sederhana inilah dimaksudkan dalam al-Quran (al-Furqan: 67). Ulama tafsir menyebutkan bahawa yang dimaksudkan dengan 'israaf' (pembaziran) yang disebutkan dalam ayat itu bukan hanya berlebih-lebihan, tetapi setiap perbelanjaan dilakukan pada perkara tidak diredai Allah SWT dan 'iqtaar' (bakhil) adalah keengganan untuk berbelanja di jalan diredai Allah SWT.

Rasulullah SAW memberikan teladan mulia dalam hidup bersederhana apabila Baginda sering berlajar dan sentiasa memberikan apa sahaja yang dimiliki untuk kemaslahatan orang ramai.

Jika Rasulullah SAW mahu, Baginda boleh sahaja membina istana untuk dirinya dan keluarganya, namun Baginda lebih rela tidur di atas tikar kasar demi kesejahteraan masyarakat di sekelilingnya.

Bagi tujuan pendidikan kepada sahabatnya, Baginda bersabda: "Telah berjaya orang mendapat hidayah Islam dan diberikan rezeki mencukupi (kafaaf) dan diberikan sifat qana'ah terhadap apa yang ia ada." (Hadis riwayat Muslim). Baginda juga dilaporkan berdoa: "Ya Allah, jadikanlah aku hidup dalam keadaan miskin, matikanlah aku dalam keadaan miskin." (Fath al-Bari, Ibn Hajar). Perkataan miskin ini perlu dibezakan dengan faqir bermaksud orang tidak mempunyai apa-apa, sedangkan miskin bermaksud orang mempunyai sedikit tetapi mencukupi.

Di sinilah pentingnya untuk kita memahami konsep kesederhanaan dalam Islam. Ia adalah satu gaya hidup pilihan. Berbanding gaya hidup berlebih-lebihan atau gaya hidup mewah, Islam menganjurkan gaya hidup sederhana.

Berpesta makanan hingga berlaku banyak pembaziran adalah perkara bertentangan maksud dan tujuan berpuasa itu sendiri

Sesungguhnya gaya hidup sederhana ini kunci bukan sahaja kepada kebahagiaan individu di dunia dan akhirat, tetapi juga kunci kelestarian alam sekitar. Justeru, apabila manusia memilih gaya hidup bermewah-mewah, sentiasa berusaha untuk memuaskan kemahuan dan keinginan diri yang tidak pernah benar-benar tercapai, maka ia hanya akan merosakkan dirinya serta alam sekitar di sekelilingnya. Sebaliknya dengan gaya hidup sederhana, manusia akan kurang mengkonsumsi, kurang menghabiskan tenaga dan kurang menyebabkan pencemaran.

Apa lebih penting dari sudut pandang Islam adalah motivasi untuk hidup bersederhana ini bukanlah untuk matlamat keduniaan semata-mata tetapi lebih penting lagi adalah mencapai keredaan Allah SWT. Apabila seseorang berbelanja lebih, menghabiskan masa dan tenaga lebih untuk perkara tidak begitu penting, maka akan lebih banyak pertanggungjawaban yang mesti dipikul di akhirat.

Orang Islam bertakwa sedar bahawa apa dilakukan olehnya akan dipersoalkan di akhirat kelak. Ia akan memeriksa dirinya sama ada yang ia dilakukan itu demi kepentingan dan kepuasan peribadi atau demi membantu orang lain, makhluk lain, tujuan murni dan kemaslahatan sejagat.

Hanya perbuatan baik (amal soleh) akan bernilai ibadat dan mendapat pahala. Disebabkan itu juga Islam menggalakkan umatnya untuk bersedekah. Sedekah dalam erti kata menyumbang kerana Allah SWT tanpa mengharapkan pulangan material.

Dengan maksud ini sedekah adalah penyaluran sebahagian harta dimiliki untuk tujuan baik dan mulia, tentunya bukan daripada lebihan harta atau untuk tujuan duniawi seperti mengelakkan cukai, sebaliknya untuk tujuan menyumbang kepada masyarakat.

Manusia mengamalkan gaya hidup sederhana secara tabiinya akan menyumbang lebih banyak hartanya demi kebaikan, sebaliknya apabila mengamalkan gaya hidup konsumerisme, materialisme dan individualisme, maka gaya hidupnya itu hanya menatijahkan lebih banyak kerosakan kepada alam semesta.

Maka jelas, kesederhanaan dicanangkan Islam adalah cara hidup terbaik. Apabila kesederhanaan menjadi amalan dan budaya masyarakat, kita akan dapat melihat masa depan sejahtera bagi semua makhluk di muka bumi ini.



ISNIN 11 APRIL 2022 • SINAR HARIAN

BULETIN

Atlet UniMAP raih emas Kejohanan Olahraga Institusi Pengajian Tinggi

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mencipta kejutan apabila meraih pingat emas acara 200 meter (m) menerusi Mohamad Raimi Mustaffa Kamal sekali gus menumpaskan atlet-atlet elit kebangsaan pada Kejohanan Olahraga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Sirkuit 1 2022, baru-baru ini.

Pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (FTKE) UniMAP itu melakukan catatan masa 22.2 saat (s) manakala atlet Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Saiful Safwan Saifuddin memperoleh pingat perak (22.24s) dan pingat gangsa buat Muhammad Aqil Yasmin daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan catatan masa 22.31s.

Mohamad Raimi berkata, walaupun pesaingnya adalah dalam kalangan atlet kebangsaan namun ia tidak mematahkan semangatnya untuk melakukan yang terbaik dengan sokongan jurulatih dan keluarga.

"Sebelum ini saya dan rakan-rakan atlet berdepan cabaran seperti tidak dapat menggunakan trek untuk menjalani latihan berikutan pandemik selain saya juga diuji apabila positif Covid-19 menyebabkan terpaksa kuarantin selama 14 hari dan hanya mampu menjalani latihan ringan di rumah.

"Saya juga hanya sempat membuat persiapan dalam lima hari berikutan kecederaan *hamstring* tetapi saya percaya dapat melakukannya dengan baik sekali gus mampu menyumbang pingat emas kepada universiti," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Tambah Mohamad Raimi, dia meletakkan sasaran untuk melayakkan diri ke Sukan Universiti Dunia di China pada Jun ini serta Sukan Asia, justeru itu dia akan memberi tumpuan terhadap

Saya percaya walaupun bukan dalam kalangan atlet kebangsaan, namun hasil latihan dan tunjuk ajar daripada jurulatih berpengalaman UniMAP dapat mencipta lebih banyak kejutan selepas ini."

- Profesor Dr Zaliman Sauli

program latihan yang diberikan jurulatihnya, Muhammad Idris Zakaria yang juga kakitangan UniMAP.

Selain Mohamad Raimi, dua lagi pingat emas UniMAP disumbangkan oleh Teoh Kim Chyi menerusi acara 800m dan 400m wanita.

Sementara itu, Naib Canselor UniMAP, Profesor Dr Zaliman Sauli berkata, pasukan UniMAP berjaya membawa pulang tiga emas, dua perak dan satu gangsa sekali gus meletakkan universiti itu di kedudukan ketiga keseluruhan kejohanan berkenaan yang diadakan di Kompleks Sukan Negeri Johor.

"Prestasi pasukan olahraga UniMAP amat membanggakan dan berharap momentum berkenaan dikekalkan supaya dapat terus mendominasi kejohanan berkenaan pada masa akan datang.

"Saya percaya walaupun bukan dalam kalangan atlet kebangsaan, namun hasil latihan dan tunjuk ajar daripada jurulatih berpengalaman UniMAP dapat mencipta lebih banyak kejutan selepas ini," jelasnya.

Kejohanan Olahraga IPT 2022 Sirkuit 1 menyaksikan seramai 244 atlet yang mewakili 26 IPT menyertai 25 acara dipertandingkan.



Mohamad Raimi (tengah) raih emas olahraga 200 meter pada Kejohanan Olahraga Institusi Pengajian Tinggi Sirkuit 1 2022.

lokal

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

APLIKASI myPTPTN

Permudah urusan pelanggan

Aplikasi mudah alih myPTPTN dengan *tagline* mudah, cepat dan selamat yang dilancarkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) baru-baru ini memudahkan urusan 3.63 juta peminjam dan 5.28 juta pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) di seluruh negara.

Aplikasi dibangunkan ini juga selari dengan Teras ke-5 Pelan Strategik PTPTN 2021-2025 iaitu memperkasakan organisasi ke arah lebih dinamik dan cemerlang melalui pendigitalan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan tidak terjejas dan sentiasa di tahap yang terbaik.

Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, idea pembangunan aplikasi ini sebenarnya tercetus sebelum pandemik Covid-19 lagi selain ia inisiatif utama PTPTN sempena Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PTPTN.

"Kami di PTPTN sentiasa memikirkan yang terbaik untuk peminjam dan pendeposit Simpan SSPN supaya walau apa yang berlaku, kami sentiasa boleh dihubungi.

"Dengan adanya aplikasi ini, ia akan mengintegrasikan seluruh kemudahan dalam satu sistem yang memberi kemudahan dan manfaat kepada pelanggan PTPTN," katanya.



APLIKASI myPTPTN memudahkan urusan 3.63 juta peminjam dan 5.28 juta pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) di seluruh negara.

kelebihan aplikasi itu berbanding portal biasa, Ahmad Dasuki berkata, myPTPTN menawarkan pelbagai kelebihan kepada pelanggan terutama dari segi memperoleh maklumat terkini dengan cepat dan mempunyai ciri keselamatan berbanding laman web.

Katanya, pelanggan dapat menikmati pelbagai kemudahan PTPTN dalam satu aplikasi secara *Single Sign On* (SSO).

"Aplikasi myPTPTN ini akan membolehkan maklu-

mat atau pemberitahuan kepada pelanggan dengan kadar lebih cepat melalui *push notification* di *inbox* yang terdapat dalam aplikasi.

"Antaranya, maklumat tawaran Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP), maklumat kelulusan pinjaman dan maklumat tarikh bayaran pinjaman dikreditkan ke dalam akaun bank pelajar.

"Kemudahan ini sangat bermanfaat kepada pelajar yang sememangnya sentiasa menantikan berita baik dari PTPTN mengenai pinjaman

mereka," katanya.

Menurutnya, jika dahulu pelanggan ingin membuat semakan penyata pinjaman atau simpanan, mereka perlu membuka portal PTPTN atau menghubungi *Careline* untuk semakan.

"Adakalanya, kami menerima jumlah panggilan yang tinggi dan menyebabkan pelanggan terpaksa menunggu lama di talian.

"Jadi, dengan myPTPTN pelanggan boleh membuat semakan penyata di mana sahaja dan pada bila-bila



MENTERI Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (tengah) melancarkan aplikasi myPTPTN sambil diperhatikan oleh Ahmad Dasuki (kanan) dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Datuk Seri Abdul Razak Jaafar.

masa. Pelanggan juga tidak perlu bergegas, beratur dan berkumpul di pejabat PTPTN secara fizikal," katanya.

Antara perkhidmatan disediakan dalam aplikasi myPTPTN termasuk urusan pembayaran balik pinjaman dan penambahan deposit Simpan SSPN, pembukaan akaun Simpan SSPN, Semakan Penyata, Pindahan Lebihan Bayaran Balik, Pindahan Simpanan, Permohonan Bayaran Balik/Deposit Simpan SSPN melalui Debit Terus, Potong Gaji dan Auto Debit, Permohonan Pengesahan Baki Pinjaman, cetakan surat penyelesaian hutang (SPH), mengemas kini profil pengguna, *push notification* dan akaun kegemaran.

Bagi mengakses ke aplikasi myPTPTN ini, terdapat dua kaedah disediakan iaitu pertama dengan memuat turun di telefon mudah alih melalui platform pengedaran digital iaitu *App Store*, *Play Store* dan *Huawei AppGallery* atau melayari laman sesawang <https://myptptn.ptptn.gov.my> untuk maklumat lanjut.

Dari segi keselamatan pula kata Ahmad Dasuki, myPTPTN dilindungi serta dilengkapi dengan pendaftaran maya eKYC (*Electronic Know Your Customer*) iaitu proses mengesahkan dan mengekalkan rekod identiti pelanggan yang diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia sebagai salah satu kunci keselamatan transaksi digital.

minda

TAUBAT & BULAN RAMADAN

Kembali kepada fitrah

Bersama
Dr Nor Hazrul
Mohd Salleh

Taubat nasuha mesti dilakukan dengan perasaan menyesal, meninggalkan dosa itu dan berazam tidak melakukannya lagi. Jika memenuhi syarat itu, maka pastinya diterima Allah SWT

Manusia secara fitrahnya dilahirkan sebagai seorang yang suci daripada segala dosa. Namun, dengan bertambahnya usia daripada kecil sehinggalah dewasa, manusia melalui pelbagai ujian yang boleh mencemar fitrah asalnya, khususnya apabila seseorang itu mencapai peringkat mukallaf (menanggung kewajiban) iaitu wajib menunaikan segala perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya.

Itulah juga antara makna takwa kepada Allah SWT. Asal kejadian manusia secara fitrah ini dinyatakan Rasulullah SAW dalam hadis baginda yang bermaksud: "Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua ibu bapanyalah yang mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi." [Riwayat Bukhari]

Apabila manusia melalui kehidupan, maka setiap hari akan menitiskan titik hitam dalam hatinya hingga mencemarkan kesucian hati yang asalnya tidak terdorong berbuat dosa.

Titik-titik hitam di dalam hati akan menjadikan hati itu gelap daripada melihat kebenaran dan tidak lagi sensitif dengan kejahatan dan keburukan. Lantaran, berlakulah dosa yang dilakukan oleh manusia yang akhirnya akan menyebabkan seseorang itu terjerumus kepada banyak perkara yang tidak baik. Allah SWT dengan kebijaksanaan-Nya menciptakan manusia dalam keadaan yang terbaik, sudah menyediakan satu peluang yang besar untuk manusia kembali kepada fitrahnya.

Antara program besar Allah SWT kepada manusia ialah dengan mewajibkan berpuasa pada bulan Ramadan. Pada bulan yang diberkati ini, bukan sahaja manusia menumpukan kepada ibadat puasa semata-mata, tetapi, sebenarnya setiap Muslim akan menggandakan segala jenis amal ibadat kepada Allah SWT. Sama ada mempertingkatkan kualiti ibadat- khusus seperti puasa itu sendiri khususnya solat sebagai ibadat utama dan lain agama.

Begitu juga ibadat lain seperti bersedekah dan membuat kebaikan kepada orang lain. Fenomena berpesta ibadat di dalam bulan Ramadan ini adalah agenda besar yang terangkum di dalam program khas Ramadan.

Dengan melaksanakan segala

ibadat tadi dengan itqan (berkualiti) dan ikhlas serta penuh iman dan yakin kepada Allah SWT pastinya akan menghasilkan satu impak yang besar kepada seseorang itu.

Oleh itu, Allah SWT menjanjikan pengampunan daripada dosa apabila dilakukan dengan sempurna. Hikmah takwa telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam ayat yang memerintahkan supaya berpuasa.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa." [Surah al-Baqarah, ayat 183].

Berdasarkan ayat ini, jelas kita ditegaskan bahawa matlamat utama daripada puasa itu adalah mencapai nilai takwa kepada Allah SWT. Mencapai tahap tertinggi dalam ibadat puasa adalah sesuatu yang mesti diletakkan sebagai sasaran utama setiap orang yang berpuasa.

Mengikut Imam Ghazali Rahimahullah, puasa dibahagikan mengikut tiga tahap yang utama. Tahap yang asas ialah berpuasa dengan hanya tidak makan, tidak minum serta meninggalkan hubungan jenis suami isteri pada siang hari pada bulan Ramadan.

Tahap yang kedua ialah apabila seseorang itu mampu melakukan perkara yang asas tadi di samping menjaga seluruh anggota daripada melakukan perkara yang berdosa semasa berpuasa.

Manakala, tahap tertinggi ialah apabila seseorang itu berjaya menjaga hati dan mengawal hawa nafsu daripada memikirkan atau

mendorong untuk melakukan perkara yang boleh membawa kepada dosa. Bermakna, puasa bukan semata-mata puasa fizikal (jasmani), tetapi juga puasa spiritual (rohani). Bahkan, inilah matlamat sebenarnya yang dikehendaki daripada tarbiyah (pendidikan) yang didapati daripada ibadat puasa. Jangka masa sebulan penuh yang diwajibkan Allah SWT ini pasti cukup untuk mengembalikan seseorang yang banyak berdosa kepada Allah SWT, kepada fitrah yang suci murni.

Digambarkan oleh Rasulullah SAW setelah menjalani ibadat puasa pada bulan Ramadan ini dan diampunkan dosa oleh Allah SWT sebagaimana hari seseorang itu baru dilahirkan ibunya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesiapa berpuasa Ramadan dan mendirikan solat malamnya dengan penuh iman dan harapan ganjaran pahala kepada Allah SWT, maka akan keluar daripada Ramadan sebagaimana hari dia dilahirkan oleh ibunya." [Riwayat Ahmad, Nasaei dan Ibn Majah]

Oleh itu, kita hendaklah merebut peluang semasa dalam bulan Ramadan yang mulia ini dengan melakukan ibadat puasa serta memperbanyakkan taubat kepada Allah SWT daripada segala dosa. Tidak dinafikan, setiap orang melakukan dosa sama ada dosa kecil atau dosa besar kecuali yang maksiat (terpelihara) iaitu Rasulullah SAW. Oleh itu, tuntutan untuk bertaubat sangat relevan dan menepati masa khususnya dalam bulan Ramadan yang mulia ini. Allah SWT pula menganjurkan supaya seseorang

itu sentiasa bertaubat daripada dosa. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan "Taubat Nasuha", mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai." [Surah al-Tahrim, ayat 8]

Dosa-dosa yang kecil boleh terhapus dengan melakukan kebaikan-kebaikan. Maka, segala hasanah ataupun kebaikan yang dijalankan dalam bulan Ramadan ini pastinya akan menghapuskan dosa kecil. Allah SWT juga berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya amal-amal kebajikan (terutama sembahyang) itu menghapuskan kejahatan.

Perintah-perintah Allah yang demikian menjadi peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat". [Surah Hud, ayat 114] Adapun dosa-dosa yang besar, maka perlukan kepada taubat nasuha sebagaimana dinyatakan dalam ayat terdahulu.

Taubat nasuha mesti dilakukan dengan perasaan menyesal, meninggalkan dosa itu dan berazam tidak melakukannya lagi. Jika memenuhi syarat itu, maka pastinya diterima Allah SWT.

Apabila kita juga sudah bersih daripada dosa-dosa besar, di samping sudah tiada dosa-dosa kecil, maka sebenarnya kita sudah kembali kepada fitrah.

Penulis Ketua Unit Bahasa Arab, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Pusat Pendidikan UM, Bachok, Kelantan

dialog kotaraya oleh juragan

AWAK KE BAZAR RAMADAN JANGAN MEMBELI IKUT NAFSU SANGAT, BERHEMAH SIKIT BERBELANJA TU. AWAK TU KALAU BAB MEMBELI KUSS SEMANGAT! SELAGI TAK PENUH MEJA... TAPI, AKHIRNYA BUANG!



AMBOI... CHE MANAP! ANGIN MANA PULAK NI? NI NAK TANYA, PERNAH KE JUADAH YANG SAYA BELI DIBUANG KE LONGKANG? SETAHU SAYA LICIN DIBUANG KE DALAM PERUT AWAK TU! BELI SIKIT KANG AWAK BISING. KANG SAYA BELI 2 KETUL KARIPAP KANG BARU TAHU!



ALA...GURAU SIKIT PUN TAK BOLEH DAH. OK LA, OK LA. PEGI, PEGI. JANGAN LUPA CUCUR UDANG TU.



TAJUK: 350,000 PELAJAR B40 IPT LAYAK MOHON INISIATIF

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT: 2

TARIKH: 15/04/2022

PerantiSiswa Keluarga Malaysia

350,000 pelajar B40 IPT layak mohon inisiatif

Cyberjaya: Kira-kira 350,000 pelajar B40 di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS), politeknik serta kolej komuniti bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), layak mohon inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia, mulai hari ini.

Mulai Jun depan pula, proses pengagihan peranti terbabit dijadual bermula dan produk berkenaan dijamin berkualiti tinggi serta daripada jenama terkenal,

sesuai untuk kegunaan mahasiswa dan telah diperakukan oleh beberapa jawatankuasa berkaitan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa yang memberi jaminan berkenaan, berkata data pelajar terbabit diterima daripada KPT dan peranti tablet itu bakal memanfaatkan mereka yang sedang mengikuti pengajian peringkat diploma, diploma lanjutan serta ija-

zah sarjana muda.

Pelajar boleh mengemukakan permohonan melalui laman web rasmi <https://perantisiswa.kkmm.gov.my> bermula jam 8 pagi hari ini.

"Bagi pelajar B40 yang sudah memiliki tablet, mereka tidak digalakkan memohon kerana mungkin sebahagiannya sudah menerima bantuan daripada pihak luar, kecuali jika peranti terbabit mengalami kerosakan.

"Golongan bukan B40 juga boleh memohon inisiatif ini, seperti pelajar yang mengalami bencana alam, termasuk banjir sehingga menyebabkan peranti milik mereka rosak atau musnah," katanya pada sidang media Majlis Prapelancongan PerantiSiswa #Keluarga Malaysia di Universiti Multimedia (MMU), di sini, semalam.

Katanya, peranti berkenaan juga telah melalui proses uji suai dan ada kelengkapan itu dengan beberapa spesifikasi telah diberi untuk digunakan oleh sekumpulan pelajar bagi pihaknya mendapatkan maklum balas.

"Saya jangkakan peranti yang dipilih adalah daripada jenama premium dalam pasaran. Spesifikasi tablet terbabit juga menawarkan kemampuan optimum bagi kesinambungan dan aplikasi asas berkaitan pendidikan.

"Ia bukan peranti untuk keperluan teknikal khusus program pengajian tertentu yang memerlukan spesifikasi tinggi komputer seperti kejuruteraan, pengaturcaraan atau multimedia



Annuar beramah mesra bersama mahasiswa selepas Majlis Prapelancongan PerantiSiswa Keluarga Malaysia di MMU, Cyberjaya. Turut hadir, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

kreatif," katanya.

Katanya, inisiatif Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) melalui Belanjawan 2022 itu sejajar hasrat kerajaan untuk memastikan Keluarga Malaysia, terutama pelajar IPT memiliki peranti untuk keperluan pengajian.

Annuar berkata, pelaksanaan inisiatif berkenaan membabitkan kerjasama Kementerian Kewangan dan KPT dengan peruntukan RM450 juta, sekali gus dapat membantu melestarikan pengajian, terutama dalam fasa peralihan ke endemik kini.

Beliau menjelaskan, inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia menggunakan konsep guna pakai selama tempoh pengajian,

bertujuan mengelakkan penyalahgunaan peranti seperti dijual atau diberikan kepada pihak lain, selain memastikan hanya mahasiswa benar-benar memerlukannya mendapat manfaat.

Annuar juga menegaskan, pihaknya akan meneliti jika ada ruang untuk program itu diperluaskan kepada kelompok pelajar selain daripada yang diumumkan semalam.

"Ketika ini, kita pada fasa akhir dan sedang menunggu keputusan Kementerian Kewangan untuk memilih pembekal yang layak serta jenama peranti yang dijangka diketahui pada minggu depan. Peranti berkenaan akan diagihkan kepada pelajar mulai Jun depan," katanya.

Ibadat&Fadilat

Rasulullah s.a.w. bersabda: Ertinya: "Sesungguhnya syurga itu mempunyai sebuah pintu yang bernama Ar-Rayyan (memuaskan dahaga). Maka pada hari kiamat akan dipanggil: 'Hai mana orang yang berpuasa?' Maka apabila telah masuk orang yang terakhir dari mereka ditutuplah pintu syurga itu." (HR. Bukhari dan Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:02	1:21	4:28	7:28	8:38
Alor Setar	6:02	1:21	4:28	7:28	8:38
P. Pinang	6:03	1:21	4:30	7:27	8:37
Ipoh	6:01	1:19	4:28	7:24	8:34
Kuala Lumpur	5:59	1:16	4:27	7:21	8:31
Shah Alam	5:59	1:16	4:27	7:21	8:31
Johor Bahru	5:52	1:08	4:20	7:11	8:21
Kuantan	5:54	1:11	4:21	7:15	8:25
Seremban	5:58	1:14	4:26	7:19	8:28
Bandar Melaka	5:58	1:14	4:46	7:18	8:28
Kota Bharu	5:55	1:14	4:21	7:20	8:26
K. Terengganu	5:52	1:10	4:18	7:16	8:26
Kota Kinabalu	5:01	12:19	3:28	6:26	7:36
Kuching	5:27	12:43	3:55	6:46	7:56



15 April 2022

PTPTN seru peminjam terima tawaran diskaun



AHMAD Dasuki menyampaikan bubur lambuk kepada wakil komuniti penduduk di Politeknik Port Dickson hari ini.

PORT DICKSON – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menggalakkan peminjam mengambil peluang tawaran diskaun sehingga 30 peratus yang tamat pada 30 April ini.

Menurut Ketua Eksekutifnya, Ahmad Dasuki Abdul Majid, peminjam yang berhasrat untuk dapatkan diskaun itu perlu melalui aplikasi MyPTPTN atau 64 cawangan di seluruh negara.

“Kita beri diskaun 12 peratus bagi pembayaran 50 peratus dari pembayaran penuh pinjaman.

“Bagi mereka yang ingin buat potongan gaji atau debit terus (direct debit) akan menerima potongan sebanyak 10 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar dalam Program Imarah Ramadan PTPTN (IMRAN) bersama IPT 2022 di Politeknik Port Dickson di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Politeknik Port Dickson, Mohamad Isa Azhari.

Tambahnya, PTPTN telah melaksanakan sejak 1 November tahun lalu dan akan berakhir pada 30 April ini.

“Kali terakhir kita (PTPTN) beri diskaun seumpama ini pada tahun 2018. Jadi kami menggalakkan peminjam mengambil kesempatan ini,” tambahnya.

Jelasnya, peminjam yang berhasrat untuk dapatkan pengesahan penuh pinjaman boleh membuat permohonan pengesahan baki pinjaman melalui MyPTPTN.

“Selepas membuat pembayaran dan pelarasan peminjam juga boleh dapatkan cetakan baki hutang di dalam aplikasi MyPTPTN.

“Pembayaran menggunakan aplikasi lebih mudah, cepat dan selamat,” jelasnya.

Sementara itu, dalam program itu PTPTN telah mengagihkan sebanyak 3,000 bekas bubur lambuk kepada para pelajar dan kakitangan Politeknik Port Dickson, komuniti setempat dan pasukan frontliners di sini. – KOSMO!

ONLINE

TAJUK: DISKAUN BAYARAN PTPTN BERAKHIR 30 APRIL

SUMBER : BERITA HARIAN ONLINE

MUKA SURAT :

TARIKH : 15/04/2022



15 April 2022

Diskaun bayaran PTPTN berakhir 30 April

Oleh Mohd Khidir Zakaria - April 15, 2022 @ 6:40pm
bhnews@news.com.my



Ahmad Dasuki Abdul Majid (baju putih), menyerahkan bubur lambuk kepada wakil Ketua Kampung di Program Imarah Ramadan PTPTN (IMRAN) bersama pelajar Politeknik Port Dickson di sini tadi - Foto NSTP/Mohd Khidir Zakaria

PORT DICKSON: Peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diberi masa sehingga sehingga tarikh akhir 30 April ini untuk mendapatkan diskaun bayaran.

Menurut Ketua Eksekutifnya, Ahmad Dasuki Abdul Majid, peminjam yang berhasrat untuk dapatkan diskaun itu perlu melalui aplikasi MyPTPTN atau di 64 cawangannya di seluruh negara.

"Kita beri diskaun 12 peratus bagi pembayaran 50 peratus dari pembayaran penuh pinjaman. Bagi mereka yang ingin buat potongan gaji atau debit terus (direct debit) akan menerima potongan sebanyak 10 peratus," katanya.

Beliu berkata demikian ketika sidang akhbar dalam Program Imarah Ramadan PTPTN (IMRAN) bersama IPT 2022 di Politeknik Port Dickson di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Politeknik Port Dickson, Mohamad Isa Azhari.

Tambahnya, PTPTN telah melaksanakan kempen diskaun itu sejak 1 November tahun lalu dan akan berakhir pada 30 April ini.

"Kali terakhir kita (PTPTN) beri diskaun seumpama ini pada tahun 2018. Jadi kami menggalakkan peminjam mengambil kesempatan ini," tambahnya

Jelasnya, peminjam yang berhasrat untuk dapatkan pengesahan penuh pinjaman boleh membuat permohonan pengesahan baki pinjaman melalui MyPTPTN.

"Selepas membuat pembayaran dan pelarasan peminjam juga boleh dapatkan cetakan baki hutang di dalam aplikasi MyPTPTN.

"Pembayaran menggunakan aplikasi lebih mudah, cepat dan selamat," jelasnya.

Sementara itu, dalam program berkaitan, PTPTN dengan kerjasama Politeknik Port Dickson mengagihkan sebanyak 3,000 bekas bubur lambuk kepada warga politeknik itu yang terdiri daripada kakitangan, pelajar dan komuniti setempat bagi meningkatkan ukhwah dengan masyarakat serta pelajar IPT.

Agihan bubur lambuk ini juga diberikan kepada agensi dan pasukan hadapan (fronliners) sekitar daerah Port Dickson iaitu Balai Polis Teluk Kemang, Balai Bomba Teluk Kemang, Hospital Port Dickson dan Pejabat Daerah Pertahanan Awam (PDPA) Port Dickson.

Bina persekitaran membaca hobi menyeronokkan

8H Jumaat 22/4/2022 No 13

Rasida
Abu Bakar,
Pustakawan,
Universiti
Teknikal
Malaysia
Melaka

Usaha menyemai minat dan tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia sentiasa dibuat oleh pelbagai pihak. Antara yang terkini adalah Gerakan Dekad Membaca

Kebangsaan (DMK) yang bermatlamatkan Malaysia sebagai negara membaca dan bangsa yang berilmu menjelang 2030.

Susulan itu, saban tahun pelbagai inisiatif dan aktiviti dijalankan Perpustakaan Negara

Malaysia dalam memastikan gerakan DMK ini dijayakan oleh kelompok sasar. Misalnya, Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit yang disambut semalam, iaitu acara yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan masyarakat membaca di mana-mana sahaja secara serentak di seluruh negara pada jam 11 hingga 11.10 pagi pada tarikh berkenaan.


Program ini juga adalah sebahagian sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang diraikan pada 23 April setiap tahun. Tahun 2022, program ini berlangsung dalam bulan Ramadan yang mulia dan penuh keberkatan. Bertemakan 'Bangkit Baca dan Bersyukur', masyarakat digalak bersama-sama menularkan gelombang Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit dalam pelbagai media massa dan media sosial supaya menjadi tular dan secara langsung menyuntik semangat untuk membaca.

Kata pepatah menyebut, pembaca hari ini adalah pemimpin hari esok adalah sangat tepat untuk menggambarkan tabiat membaca bahan bacaan yang berkualiti dan ilmiah.

Banyak kajian membuktikan aktiviti membaca bukan hanya menambahkan ilmu pengetahuan tetapi juga mengurangkan tekanan, meningkatkan

empati, membuatkan diri kita lebih tenang, menambah kualiti tidur, mencergaskan fikiran, mengurangkan penurunan memori dan kognitif, meningkatkan daya tumpuan dan mencambah pemikiran kritis serta kreatif.

Malah, dalam Islam, wahyu pertama yang diterima Rasulullah SAW adalah mengenai kepen-



Manfaat perpustakaan untuk kita cambahkan ilmu pengetahuan melalui bahan bacaan yang disediakan.

(Foto hiasan)

tingan membaca. Hal ini menjelaskan amalan mulia ini dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT. Maka, tidak menghairankan amalan membaca melahirkan tokoh keilmuan tersohor Islam seperti al-Farabi, al-Khawarizmi dan Ibnu Sina.

Apa yang kita boleh lakukan untuk mencambah dan membugar amalan membaca ini pada anak ialah dengan menyediakan bahan bacaan yang sesuai untuk mereka sama ada format bercetak atau digital.

Ibu bapa juga perlu menunjukkan contoh yang baik, selain membina persekitaran membaca dengan menjadikannya hobi menyeronokkan. Selain itu sering membawa anak mengunjungi perpustakaan, kedai buku dan pesta buku.

Bagi golongan remaja dan mahasiswa, mereka perlu ditanamkan dengan prinsip bahawa membaca itu bukan sekadar untuk memenuhi tuntutan pembelajaran, peperiksaan dan bergraduasi semata-mata.

Amalan membaca tidak merugikan, bahkan terlalu banyak manfaatnya. Masyarakat pula perlu mengasah minda mereka bahawa membaca tidak terhad untuk kerjaya dan mengisi masa lapang sebaliknya merangsang pembelajaran sepanjang hayat yang tidak boleh ditinggalkan begitu sahaja.

Pada peringkat global, Sasaran Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam elemen keempat, iaitu kualiti pendidikan turut menitikberatkan amalan membaca dalam kalangan semua golongan masyarakat. Ia seharusnya mudah diperolehi dan dicapai sama ada percuma dan sebagainya menjelang 2030.

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my